

BULETIN

PUSAT SUKAN UNIVERSITI



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

EDISI 01 : MAC - APRIL 2024

SELAMAT DATANG / WELCOME



MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN UTHM KE VTF 2024 (SIRKIT 1)

UTHM | 6 Mac 2024 | Telah diadakan Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen UTHM dalam menyertai Varsity Track & Field 2024 (Sirkit 1) bertempat di Lobi utama Kampus UTHM Pagoh. Kejohanan Varsity Track & Field 2024 (Sirkit 1) ini akan berlangsung di Stadium Ipoh Perak pada 7 hingga 10 Mac 2024. Semoga berjaya pasukan UTHM.

PEMANTAUAN PENGARAH PSU KE KEM LATIHAN PUSAT PRA MUSIM PASUKAN FUTSAL UTHM

Pekan Pahang | 7 Mac 2024 | Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Menjalankan Tugas Pengarah Pusat Sukan Universiti berkesempatan untuk meluangkan masa bersama dengan pasukan Futsal Lelaki UTHM yang sedang menjalani Kem Latihan Pusat Pra Musim yang bertempat di Casa D'Bayu, Pekan Pahang. Pasukan Futsal Lelaki UTHM akan menghadapi Kejohanan Liga Super LFIPT 2024, Fasa 1 bertempat di Universiti Sains Malaysia pada 19 - 21 April 2024.



PASUKAN FUTSAL LELAKI UTHM MENJALANI LATIHAN PRA MUSIM DI PEKAN PAHANG.



Pekan Pahang | 5-9 Mac 2024 | Latihan Pra Musim ini merupakan persiapan intensif pasukan menghadapi Liga Super Futsal IPT 2024 yang akan bermula pada April sehingga Oktober secara berfasa. Antara pengisian Latihan Pra Musim ini selain fokus kepada aspek ‘strength & conditioning’ ialah penekanan kepada ‘team bonding’.

Selain itu, sebagai tanggungjawab sosial, pasukan futsal juga mengambil inisiatif untuk melakukan pembersihan sampah kawasan pantai sekitar penginapan di Casa D Bayu. Melengkapkan jadual Pra Musim, perlawanan persahabatan menentang pasukan Sukma Pahang telah diadakan di Stadium SUKPA, Kuantan yang berakhir dengan keputusan seri 2-2.

Semoga dengan persiapan ini dapat memberikan ‘morale boost’ kepada pasukan futsal lelaki untuk memburu kedudukan podium Liga Super 2024

KEJOHANAN VARSITY TRACK AND FIELD (SIRKIT 1) 2024

Stadium Ipoh, Perak | 8-10 Mac 2024 | Pasukan Olahraga UTHM telah menyertai Kejohanan Varsity Track and Field (Sirkit 1) 2024 bertempat di Stadium Ipoh, Perak. Pasukan Olahraga telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan memperoleh 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 3 pingat gangsa. Atlet Olahraga UTHM, Saudara Muhammad Izzat Mirza Bin Mohd Yusof (FKEE) juga telah berjaya memecahkan rekod UTHM menerusi acara 10000 meter (Lelaki) dengan catatan masa 38:23.40 minit (Baru). Tahniah diucapkan!

1. Heptathlon

- 🥇 Nurul Athilah Iwana binti Mohd Hisam (FPTV)
- 🥈 Cecilia Tan Wei Li (FPTP)
- 🥉 Nurizzati binti Alias (FPTP)

2. 3000 meter Berhalangan (Lelaki)

- 🥇 Muhammad Izzat Mirza Bin Mohd Yusof (FKEE)

3. 4x100 meter (Campuran)

- Asyraf bin Norisham (FTK)
- Nurul Athilah Iwana binti Mohd Hisam (FPTV)
- Cecilia Tan Wen Li (FPTP)
- Muhammad Aniq Aqil Md Ramli (FPTV)

4. Pemecah Rekod UTHM - 10000 meter (Lelaki)

- Muhammad Izzat Mirza Bin Mohd Yusof (FKEE)
- Catatan masa baru : 38:23.40 minit
- Catatan masa lama : 39:13.67 minit



KEJOHANAN OPEN FOURS JOHOR 2024

Arena Emas Skudai, Johor | 8-9 Mac 2024 | Pasukan Boling Padang UTHM yang terdiri daripada staf dan pelajar UTHM telah menyertai Kejohanan Open Fours Johor 2024, bertempat di Arena Emas, Skudai Johor. Daripada 4 pasukan yang mewakili UTHM, 2 pasukan telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan memperoleh 1 pingat perak, dan 1 pingat tempat ke 4 bagi kategori Plate. Tahniah diucapkan.



1. UTHM B (Pingat Perak)

- Ir. Dr. Sri Yulis bt M Amin (FKMP)
- Muhammad Nurhisyam bin Md Ramli (PPKK)
- Mohd Azmi bin Ali (PTM)
- Zuraidah bt Mohd Esa

2. UTHM D (Pingat tempat ke 4)

- Ishak bin Ayub (PPUK)
- Lily Hani bt Mohd Konan (FPTV)
- Mohamad Hashim bin Mohd Sabirin (FKMP)
- Mohd Shazmin bin Sariman (FKEE)

PERHIMPUNAN KECERGASAN BIL.2/2024 : SESI PERKONGSIAN ILMU - RAMADHAN : KEKAL CERGAS

UTHM | 14 Mac 2024 | Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Kompetensi telah menganjurkan Perhimpunan Kecergasan Bil. 2/24 bertempat di Dewan Bankuet, Dewan Sultan Ibrahim (DSI), UTHM. Pengisian program pada kali ini adalah Sesi Perkongsian Ilmu - Ramadhan : Kekal Cergas (Pemakanan Sihat & Senaman).



Sesi perkongsian ilmu ini telah menjemput En. Shahir bin Shamshuddin, Pegawai Sains Pemakanan, Klinik Kesihatan Batu Pahat dan En. Callextus Sibat Anak Singiau, Pegawai Pendidikan Kesihatan, Wellness Hub Batu Pahat. Program ini adalah tentang cara pemakanan dan senaman yang bersesuaian ketika di bulan Ramadhan. Anggaran peserta yang menyertai program pada kali ini adalah seramai 170 orang.

KURSUS TEKNIK MENJAWAB PEPERIKSAAN PENGADIL FUTSAL KELAS 3

Stadium Larkin, Johor | 16 Mac 2024 | Dua orang Atlet Futsal Wanita UTHM, Siti Nur Umairoh Binti Haji Md Yunus dan Nur Haziqah Binti Muhamad telah menghadiri Kursus Teknik Menjawab Peperiksaan Pengadil Futsal Kelas 3. Kursus Kepengadilan anjuran Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dan Persatuan Bola Sepak Malaysia ini telah diadakan di Stadium Larkin pada 16 Mac 2024.



KUNJUNGAN DARIPADA INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPG) KAMPUS TUN HUSSEIN ONN



UTHM | 20 Mac 2024 | Pusat Sukan Universiti, UTHM telah menerima kunjungan daripada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) Kampus Tun Hussein Onn. Tujuan lawatan ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan tugas bagi subjek Pengurusan Pentadbiran Pendidikan Jasmani dan Sukan. Sesi pertama telah diadakan di Bilik Auditorium Al Jazari, PTTA iaitu sesi pengenalan Pusat Sukan Universiti kepada para guru pelatih dan juga sesi soal jawab. Sesi seterusnya diteruskan dengan lawatan ke fasiliti sukan UTHM iaitu Kompleks Renang dan Stadium UTHM. Semoga dengan lawatan ini dapat memberi pendedahan dan input yang berguna kepada mereka para guru pelatih di masa akan datang..



KUNJUNGAN HORMAT PUSAT SUKAN UNIVERSITI KE SEKSYEN SUKAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UTHM | 21 Mac 2024 | Pusat Sukan Universiti yang diketuai oleh Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Menjalankan Tugas Pengarah telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Dr. Pekan bin Ramli, Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Sukan, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Tujuan kunjungan hormat ini adalah bertujuan membincangkan isu terutamanya berkaitan UTHM sebagai Pusat Sukan Tumpuan (PST) Silat dan Mendayung.

Delegasi Seksyen Sukan juga disertai oleh, Encik Tony bin Azman, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Encik Haron bin Arip, Pegawai Tadbir dan para pegawai Seksyen Sukan, KPT.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Dato' Dr. Pekan bin Ramli dan pihak Seksyen Sukan, KPT kerana sudi menerima kunjungan hormat ini.



SESI UJIAN KECERGASAN BAGI ATLET YANG AKAN BERTANDING DI KARNIVAL SUKAN MASUM 2024

UTHM | 26-27 Mac 2024 | Bahagian Pengurusan dan Pengelolaan Sukan telah mengadakan Sesi Ujian Kecergasan bagi atlet yang akan bertanding di Karnival Sukan MASUM 2024. Terima Kasih kepada rakan-rakan Pusat Sukan yang hadir menjayakan program kalini



MAJLIS PENYERAHAN INSENTIF KECEMERLANGAN ATLET UTHM 2023

UTHM | 27 Mac 2024 | Majlis Penyerahan Insentif Kecemerlangan Atlet UTHM 2023 telah menjadi sorotan utama, memancarkan sinar keunggulan dan kecemerlangan. Dalam acara yang berprestij ini, YBhg. Prof. Sr. Ts. Dr. Lokman Hakim bin Ismail, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM, dengan penuh hormat menyampaikan penghargaan kepada para atlet yang telah menorehkan nama baik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dalam pelbagai acara sukan.

Majlis ini tidak hanya menjadi sebuah acara rutin, tetapi juga merupakan satu inisiatif penting dalam mengapresiasi dedikasi, komitmen, dan usaha tanpa henti para atlet UTHM yang telah menjulang nama universiti ke peringkat yang lebih tinggi. Setiap perjuangan, setiap keringat, dan setiap kemenangan mereka merupakan cerminan kecemerlangan yang membawa inspirasi kepada seluruh komuniti universiti. Berikut adalah senarai penerima insentif :

Sukan ASIA

1. Mirza Adli bin Shaharaziz

Varsity Boat Race

1. Chan Yu Xuan
2. Mohd Arif Ashraf Bin Mohd Rusok
3. Sheikh Ahmad Safwan bin Shaikh Sabri
4. Nurzarinah Binti Zakaria
5. Nur Afiqah Zamia binti Sumeri
6. Tee Yen Shin
7. Muhammad Haziq Nazmi Bin Badrulzaman
8. Muhammad Hazwan Bin Ruhaidi
9. Nabil Hakimi Bin Badrul Hisham
10. Marina Nur Hidayah Binti Mohammad Hazli
11. Nur Syuhada Amira Binti Zulkarnain
12. Nur Qistina Wardina Binti Mohd Nizal
13. Nur Nadia Natasya Binti Khairul Ariffin
14. Nurnabilah 'Atiqah Binti Nadzri
15. Tuan Nursafiah Binti Tuan Lokman



Higher Education Sport Fest 2023

1. Khasyfee Ihtifazhuddin Bin Jasme
2. Muhammad Bakhit Izzuddin Bin Rahmat
3. Muhammad Faid Bin Basarum



Varsity Track & Field 2023

1. Muhammad Aniq Aqil Md Ramli
2. Muhammad Arif Bin Marzuki
3. Nurizzati Binti Alias
4. Alif Qusyairi Bin Abd Razak
5. Haziq Syahmi Bin Hazizan

SIPMA 2023

1. Muhammad Faid Bin Basarum

MASUM 2023

1. Khasyfee Ihtifazhuddin Bin Jasme
2. Nurul Atiqah binti Ridhwan
3. Gohpinaathan A/L Subramaniam



PERBINCANGAN BERKENAAN PERSEDIAAN PASUKAN SILAT IPT MALAYSIA KE ASEAN UNIVERSITY GAMES (AUG) 2024 SURABAYA/MALANG, INDONESIA

Ayer Keroh, Melaka | 29 Mac 2024 |
Perbincangan Berkanaan Persediaan Pasukan Silat IPT Malaysia ke ASEAN University Games (AUG) 2024 Surabaya/Malang, Indonesia dan Penganjuran Karnival Sukan MASUM & SUKIPT 2024 telah diadakan di antara wakil Pusat Sukan Tumpuan (PST) Silat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)-Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama Y. Brs. Pn. Bibi Aishah bt Golbal Shah, Setiausaha Agung Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) Malaysia. Semoga kerjasama yang baik ini dapat diteruskan bagi merancakkan lagi pembangunan sukan silat IPT Malaysia sehingga berjaya ke peringkat antarabangsa.



PERLAWANAN PERSAHABATAN BERSAMA PERSATUAN SILAT SUNDA ASLI

Sk Pintas Puding, Batu Pahat | 29 Mac 2024 |
Pasukan Silat UTHM telah mengadakan perlwanan persahabatan bersama Persatuan Silat Sunda Asli Batu Pahat di Dewan SK Pintas Puding. Tujuan perlwanan persahabatan ini diadakan adalah sebagai persiapan atlet silat UTHM untuk menghadapi kejohanan silat yang akan datang terutamanya Karnival Sukan MASUM 2024.



PERLAWANAN PERSAHABATAN DI ANTARA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA UTHM DAN JDT FC 4

UTHM | 29 Mac 2024 | Perlwanan Persahabatan di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia UTHM dan JDT FC 4. Perlwanan berlangsung di Stadium UTHM. JDT FC 4 memenangi perlwanan dengan keputusan 2-0. Tahniah..



MAJLIS PENYERAHAN BENDERA DAN SIDANG MEDIA DEVELOPMENT PROGRAMME 2024 WORLD ROWING ASIA AND OCEANIA OLYMPIC AND PARALYMPIC QUALIFICATION REGATTA & 2024 ASIAN ROWING CUP

Wisma OCM, Kuala Lumpur | 5 April 2024 | Telah diadakan Majlis Penyerahan Bendera dan Sidang Media Development Programme 2024 World Rowing Asia and Oceania Olympic and Paralympic Qualification Regatta & 2024 Asian Rowing Cup di Chungju, South Korea serta Majlis Penyerahan Bendera The Nanjing Invitation Regatta China di Nanjing, China bertempat di Wisma OCM, Kuala Lumpur. Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Paduka Mumtaz Jaafar, Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia. Turut menghadiri YBhg. Prof. Sr. Ts. Dr. Lokman Hakim bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan En. Norhadi bin Ishari, Presiden Persatuan Mendayung Malaysia.

Seorang atlet UTHM iaitu Sdr. Nurzarinah binti Zakaria (FSKTM) dan seorang alumni UTHM, Sdr. Mohd Arif Ashraf bin Mohd Rusok akan mewakili Malaysia ke kelayakkan 2024 World Rowing Asia and Oceania Olympic Qualification Regatta at Chungju, South Korea pada 19-21 April 2024 dan akan dikendalikan oleh En Shaid Jaffar (Pegawai) dan En. Mohd Aizat bin Md Zaini (Jurulatih). Manakala Pasukan PST Mendayung UTHM dibawah Dr. Zulfadhli bin Rozali (Pegawai) dan En. Muhammad Ridhwan bin Yaacob (Jurulatih) akan menghantar seramai 9 orang atlet universiti ke The Nanjing Invitation Regatta China di Nanjing, China pada 12-16 April 2024. Selamat Maju Jaya kepada semua yang bertanding.



KEJOHANAN 2024 NANJING INTERNATIONAL UNIVERSITIES ROWING REGATTA, CHINA

2024 Nanjing International Universities Rowing Regatta, China | 12 April 2024 | Pasukan Mendayung PST KPT-UTHM
Mendayung PST KPT-UTHM telah berangkat ke Nanjing, China untuk menghadapi kejohanan 2024 Nanjing International Universities Rowing Regatta, China yang bakal berlangsung pada 13 hingga 14 April 2024.

Pasukan Mendayung PST KPT-UTHM menghantar seramai 9 orang atlet, 1 orang jurulatih dan 1 orang pegawai pegiring/urusetia. 9 orang atlet ini telah terpilih dan disenarai pendek dari sesi pemilihan yang diadakan baru baru ini. Semoga pasukan mendayung PST KPT-UTHM dapat menunjukkan prestasi yang terbaik dan sekaligus membawa pulang kejayaan.

Berikut senarai nama atlet, jurulatih dan pegawai:

1. Chan Yu Xuan (FKEE)
2. Muhammad Nur Iman bin Mohamad Yusof (FTK)
3. Sheikh Ahmad Safwan bin Shaikh Sabri (FKMP)
4. Muhammad Azfar Nabil bin Zahri (FKEE)
5. Muhammad Hafizuddin bin Mohd Hanizam (FTK)
6. Ahmad Faiz Zuhairee bin Ahmad Fakhrul-Din (PPD)
7. Ahmad Hazim bun Ahmad Rizal Putra (UTM)
8. Muhammad Nurhadie (UniMAP)
9. Nurul Amirah Norhadi (FTK)
10. Mohamed Ridhwan bin Yaacob (Jurulatih)
11. Dr. Mohd Zulfadli bin Rozali (FPTV - Pegawai Pengiring/ Urusetia)



DEVELOPMENT PROGRAMME 2024 WORLD ROWING ASIA AND OCEANIA OLYMPIC AND PARALYMPIC QUALIFICATION REGATTA

Chungju, Korea Selatan | 13 April 2024 | 2 atlet
Mendayung PST KPT-UTHM iaitu Saudari Nurzarinah binti Zakaria (FSKTM) dan Saudara Mohd Arif Ashraf bin Mohd Rusok (alumni UTHM) telah terpilih mewakili Malaysia ke Development Programme 2024 World Rowing Asia and Oceania Olympic and Paralympic Qualification Regatta yang bakal berlangsung pada 19 hingga 21 April 2024 di Chungju, Korea Selatan.



Turut serta ke kejohanan tersebut ialah Encik Mohd Aizat bin Md Zaini (jurulatih) dan Encik Shaid bin Jaffar (pegawai/ urusetia).

Kejohanan ini menawarkan 5 tiket ke Sukan Olimpik Paris 2024 bagi kedua acara Single Scull (Lelaki & Wanita) dan atlet perlu menamatkan saingen di kedudukan 5 terbaik untuk mengesahkan tiket ke Sukan Olimpik Paris 2024. Selamat maju jaya buat kedua dua atlet. Semoga kejayaan milik anda berdua.



PASUKAN MENDAYUNG PST KPT-UTHM TELAH MERANGKUL PINGAT GANGSA DI 2024 NANJING INTERNATIONAL UNIVERSITIES ROWING REGATTA DI NANJING, CHINA

Nanjing, China | 14 April 2024 | Kejohanan yang telah dianjurkan oleh Deep Dive Co. Ltd dengan kerjasama Nanjing City dan China Rowing Association telah menjemput 8 universiti seluruh dunia iaitu:

1. University of Oxford
2. University of Cambridge
3. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
4. Ateneo de Manila University Philipines
5. Chulalongkorn University Thailand
6. The University of Hong Kong
7. Chinese Culture University Chinese Taipei



Tahniah kepada atlet PST KPT-UTHM kerana telah merangkul pingat Gangsa pada edisi kali ini. Tahniah UTHM!

Berikut senarai nama atlet, jurulatih dan pegawai:

1. Chan Yu Xuan (FKEE)
2. Muhammad Nur Iman bin Mohamad Yusof (FTK)
3. Sheikh Ahmad Safwan bin Shaikh Sabri (FKMP)
4. Muhammad Azfar Nabil bin Zahri (FKEE)
5. Muhammad Hafizuddin bin Mohd Hanizam (FTK)
6. Ahmad Faiz Zuhairee bin Ahmad Fakhrul-Din (PPD)
7. Ahmad Hazim bin Ahmad Rizal Putra (UTM)
8. Muhammad Nurhadie (UniMAP)
9. Nurul Amirah Norhadi (FTK)
10. Mohamed Ridhwan bin Yaacob (Jurulatih)
11. Dr. Mohd Zulfadli bin Rozali (FPTV - Pegawai Pengiring/ Urusetia)



MAJLIS PENYERAHAN BENDERA PASUKAN FUTSAL LELAKI KE LIGA SUPER FUTSAL IPT 2024, FASA 1



UTHM | 17 April 2024 | Telah berlangsung Majlis Penyerahan Bendera Pasukan Futsal Lelaki ke Liga Super Futsal IPT 2024, Fasa 1 yang akan berlangsung pada 19 hingga 21 April 2024 bertempat di Universiti Sains Malaysia (USM). Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Menjalankan Tugas Pengarah Pusat Sukan Universiti.

Pasukan Futsal Lelaki UTHM akan menyertai Liga Super FIPT 2024 (LSFIPT) yang akan dijalankan sebanyak 3 fasa di 3 venue berbeza bermula April, Mei dan Oktober 2024.

Dengan persiapan intensif dan rapi, pasukan futsal Lelaki meletakkan sasaran podium untuk penyertaan 2024 yang turut disertai 9 lagi pasukan terbaik futsal IPT.

Pasukan Futsal Lelaki UTHM akan diperkuatkan dengan 3 pemain yang mewakili Malaysia University Futsal Team (MUFT) yang juga dalam persiapan menghadapi Malaysia Premier Futsal League (MPFL) Divisyen 2 dan Asean University Games (AUG) 2024. Pencapaian pemain-pemain ini membuktikan pasukan futsal lelaki UTHM serius melahirkan pemain berprestasi tinggi yang layak bermain liga kompetitif bertaraf profesional seperti MPFL.

Dengan sokongan berterusan dari Pusat Sukan Universiti khasnya, semoga akan lahir lebih ramai pemain bertaraf profesional dari kalangan alumni UTHM seperti Alif Mat Amin & Amiirul Izzad Adang yang mewakili Terengganu.



PERTANDINGAN BERBASIKAL MAKSAK JOHOR GAMES 2024

Kota Iskandar, Johor | 19 April 2024 | Atlet berbasikal UTHM (staf) telah menyertai Pertandingan Berbasikal MAKSAK Johor Games 2024 yang berlangsung pada 19 April 2024 bertempat di Sekitar Lebuhraya Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Kota Iskandar Johor



Tahniah diucapkan kepada En Mohd Bahtiar b Mohd Basri (FKAAB) yang menjadi Johan kategori veteran sekaligus akan mewakili MAKSAK Johor di Pertandingan berbasikal MAKSAK Malaysia Perlis pada Mei 2024.

Manakala Dr Mohd Zulfadli b Rozali (FPTV) dan En Raminhzad b Abd Razaman (FKMP) menduduki tempat 10 terbaik kategori terbuka. Pn Nor Hairani bt Mukhtar (Pej Pendaftar) mendapat tempat ke 4 kategori wanita.

Pertandingan ini juga sebagai persiapan menghadapi Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 2024 di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Ogos.

LENSA MEDIA SLOT MOTIVASI DAN TEAM BUILDING LATIHAN PUSAT KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1 2024

UTHM | 20 April 2024 | Lensa Media Slot Motivasi dan Team Building Latihan Pusat Karnival Sukan MASUM Fasa 1 2024



MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1 2024

UTHM | 20 April 2024 | Telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Karnival Sukan MASUM Fasa 1 2024 bertempat di Dewan Aktiviti Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Sr. Ts. Dr. Lokman Hakim bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Kontinjen UTHM akan menghantar sebanyak tiga pasukan iaitu Bola Tampar Pantai Lelaki, Silat Lelaki dan Petanque. Kontinjen UTHM juga akan berangkat ke Universiti Malaysia Sabah pada 21 April 2024. Bersama-sama kita kekal teguh, menyatukan tenaga dan semangat untuk meraih kejayaan gemilang. Mari tunjukkan kebolehan dan semangat pemenang dalam setiap cabaran yang menanti.



LIGA SUPER FUTSAL IPT FASA 1, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

USM, Pulau Pinang | 22 April 2024 | Pasukan Futsal Lelaki UTHM telah memulakan cabaran Liga Super Futsal IPT Fasa 1 di USM Pulau Pinang pada 17 hingga 22 April 2024 dengan kedudukan semasa di tempat ke 6.

Fasa 2 akan bersambung pada Mei 2024 di UPSI Tg Malim, Perak.

Berikut ialah keputusan
UTHM (0) v UMPSA (2)
UTHM (4) v UMT (1)
UTHM (2) v UiTM Perlis (3)



DUA PERAK BERJAYA DIRAIH DI KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1 UMS

UMS, Sabah | 23-26 April 2024 | Kontinjen UTHM berjaya meraih 2 Pingat Perak di Karnival Sukan MASUM Fasa 1, 2024. Tahniah diucapkan kepada Sdr. Mohammad Faid Bin Basarum (FPTV) dan Sdr. Mohd Hafizan Bin Abdullah (FPTP) kerana telah berjaya menyumbang pingat Perak dalam Acara Bola Tampar Pantai Lelaki manakala Sdr. Seri Amisha binti Mohd Hashlindarinshah (FPTP) dan Sdr. Nur Atikah Nabila binti Mokhtar (FPTP) telah berjaya menyumbang pingat Perak dalam Acara Double Wanita Petanque. Syabas dan tahniah.



PERLAWANAN PERSAHABATAN ANTARA PASUKAN BOLA KERANJANG UTHM DAN KELAB BOLA KERANJANG GOSTRONG

USJ Selangor | 23 April 2024 | Pasukan Bola Keranjang UTHM telah menerima jemputan perlawanan persahabatan bersama Kelab Bola Keranjang GoStrong pada 23 April 2024 bertempat di Summit USJ Hoops Station, USJ Selangor.

Pasukan Bola Keranjang UTHM yang diketuai oleh penyelaras pasukan, Ts. Dr. Shahrin Hisham bin Amirmordin (FKMP) sedang dalam persiapan bagi menghadapi Karnival Sukan MASUM Fasa 2, 2024 bertempat di Universiti Malaya (UM) tidak lama lagi. Jemputan ini juga dilengkapi dengan sesi perkongsian ilmu yang disampaikan oleh Encik Muhammad Izzat Nasruddin, penaung GoStrong Basketball Academy.

Pusat Sukan Universiti dan GoStrong Basketball Academy telah menandatangani Letter Of Intent (LOI) pada Disember 2023 dan giat bekerjasama dalam memastikan prestasi sukan bola keranjang UTHM ke arah yang lebih tinggi.



KEJOHANAN TERBUKA HOKI 7 SEBELAH PIALA YB ONN ABU BAKAR PARLIMEN BATU PAHAT

BATU PAHAT | 26 - 27 April 2024 | Pasukan Hoki UTHM telah menyertai kategori Kejohanan Terbuka Hoki 7 Sebelah Piala YB Onn Abu Bakar Parliment Bt Pahat yang berlangsung di Sekolah Menengah Dato Bentara Luar pada 26 & 27 April 2024



Berikut ialah keputusan :

GROUPING

UTHM (1) VS (0) KAMPONG MELAYU

UTHM (0) VS (7) HEALING HEART

UTHM (0) VS (2) SD BL X

UTHM (1) VS (0) STALLION SELANGOR

UTHM (0) VS (0) JM X

Suku Akhir

UTHM (0) vs Matador (4)



KEJOHANAN KABADDI INTERVARSITI "YUTTAM 3.0" UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA(UTM) 2024

UTM Sports Hall | 27 April 2024 | Pasukan Kabaddi UTHM telah menyertai Kejohanan Kabaddi Intervarsiti "YUTTAM 3.0" Universiti Teknologi Malaysia(UTM) 2024 pada 27 April 2024 bertempat di UTM Sports hall 1 . Pasukan Kabaddi Lelaki telah berjaya dinobatkan sebagai Johan bagi kejohanan kali ini. Manakala Pasukan Kabaddi Perempuan pula telah tamat permainan di peringkat kumpulan bagi kejohanan ini. Selain itu, 2 atlet bagi pasukan UTHM telah dipilih sebagai :

Best Player

Navin A/L Kannan

Best Defender

Muralitaran A/L Suresh





Diterbitkan oleh :

**BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK & KORPORAT
PUSAT SUKAN UNIVERSITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537449

Fax: 07 - 4536581